

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan negara kita kini masuk gelombang ketiga wabak pandemik COVID-19, apakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh moratorium pinjaman supaya membolehkan individu dan perniagaan menyusun semula kewangan dan menstrukturkan pembiayaan semula pinjaman mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada mulanya, institusi kewangan telah memberikan moratorium automatik ke atas pinjaman bank selama 6 bulan kepada semua peminjam sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan. Selepas berakhirnya moratorium automatik pada bulan September lalu, bantuan terus diberikan secara lebih bersasar.

Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar pada 1 Oktober 2020, bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada peminjam yang terjejas akibat COVID-19. Bantuan ini disediakan kepada peminjam yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada individu, isi rumah atau PKS sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021. 98% atau lebih kurang 650,000 peminjam yang memohon untuk bantuan bersasar, samada dalam bentuk moratorium (penangguhan pembayaran), pengurangan ansuran

bulanan, penjadualan semua atau lain-lain, telah lulus dan kini mendapat bantuan bersasar antara 3 hingga 6 bulan tempohnya.

Selain itu, ekoran daripada gelombang ketiga COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus ditambahbaik dan dilanjutkan. Golongan B40 yang juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat dan perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000, akan mendapat moratorium, dan boleh memilih antara penangguhan penuh 3 bulan atau membayar 50% ansuran selama 6 bulan, bermula Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Golongan M40 yang terkesan COVID-19 juga akan dapat mengakses bantuan pelbagai, kini mereka hanya perlu membuat pengisytiharan sendiri. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukannya, proses permohonan telah dipermudahkan dan diringkaskan. Dalam kebanyakan keadaan, bank hanya menghendaki peminjam mengemukakan penyata bank terkini atau mengisytiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat sekatan pergerakan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.